

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
MENGENAI ISU SEMASA YANG BERKAITAN AGENSI AGAMA ISLAM**

BIL	TARIKH	AKHBAR	MUKA SURAT	TAJUK
1	10 Feb 2021 / Rabu	Sinar Harian	24	Sultan Perak perkenan tambah Jemaah solat Jumaat, fardu
2		Kosmo	4	Had maksimum solat, 250 jemaah
3		Berita Harian	5	Perak benar 250 jemaah, P Pinang ikut luas masjid
4		Berita Harian	16	Pengarah, pengurus syarikat sejuk beku kena dakwa

+

24

RABU 10 FEBRUARI 2021 • SINAR HARIAN

**Sinar Harian NEGERI PERAK • KEDAH**

**Sinar Harian NEGERI PERAK • KEDAH**

**Sultan Perak perkenan tambah jemaah solat Jumaat, fardu**

**IPOH** - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menambah jumlah jemaah solat Jumaat, solat fardu dan solat jenazah di seluruh masjid serta surau di Perak kepada 120 orang.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Datuk Seri Mohd Annur Zaini berkata, keputusan itu dibuat selepas perkembangan yang berlaku sejak dua sesi solat Jumaat yang lalu dipersembahkan kepada baginda.

Menurutnya, Masjid Negeri Perak iaitu Masjid Sultan Idris Shah II, Masjid Sultan Azlan Shah, Ipoh, Masjid

Ubudiah, Kuala Kangsar dan masjid utama di daerah dibenarkan menerima had maksimum 250 jemaah tidak termasuk ahli jawatankuasa kariah.

"Masjid dan surau yang terletak dalam kawasan kem tentera dan polis turut dibenarkan menerima maksimum 250 jemaah, seboleh-bolehnya diutamakan dan dibatasi kepada anggota yang tinggal dalam kawasan kem."

"Masjid dan surau yang terletak dalam kampus universiti, maktab, kolej dan politeknik juga dibenarkan menerima maksimum 250 orang jemaah. Seboleh-bolehnya diutamakan dan dibatasi kepada warga kampus," katanya dalam

kenyataan akhbar pada Isnin.

Beliau berkata, aktiviti agama seperti kuliah dibenarkan diadakan di masjid dan surau dalam ruang waktu antara selesai solat Maghrib sementara menantikan masuknya waktu solat Isyak.

Tambahnya, kuliah ilmu tidak melebihi 20 minit turut dibenarkan untuk dianjurkan kepada jemaah yang berada dalam surau dan masjid sementara mewanti azan solat Jumaat namun sebarang acara jamuan tidak dibenarkan.

Mohd Annur berkata, bagaimanapun semua aktiviti agama termasuk mendirikan solat Jumaat dan solat jemaah tidak dibenarkan di masjid dan surau

dalam kawasan yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) berpaduan prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan.

Katanya, Jabatan Agama Islam Perak (JAIP) bertanggungjawab mengeluarkan garis panduan lengkap kepada semua ahli jawatankuasa serta pegawai masjid dan surau, selain bertanggungjawab memantau pematuhan garis panduan.

Jelasnya, ketetapan itu terpakai dan berkuat kuasa 10 Januari sehingga dikeluarkan ketetapan baharu.

# Had maksimum solat, 250 jemaah

**IPOH** – Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan membenarkan jumlah jemaah menunaikan solat fardu, solat Jumaat dan jenazah di masjid utama di seluruh negeri ditingkatkan kepada 250 jemaah berkuat kuasa hari ini.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk), Datuk Seri Mohd. Annuar Zaini berkata, pertambahan bilangan itu membabitkan Masjid Negeri (Masjid Sultan Idris Shah 2), Masjid Sultan Azlan Shah Ipoh, Masjid Ubudiah Kuala Kangsar serta masjid utama di daerah.

"Masjid dan surau yang terletak dalam kawasan kem tentera dan polis dibenarkan menerima maksimum 250 orang jemaah, seboleh-bolehnya diutamakan kepada para anggota yang tinggal dalam kawasan kem berkaitan.

"Bagi masjid dan surau yang terletak dalam kampus universiti, maktab, kolej dan politeknik, dibenarkan menerima maksimum 250 orang jemaah, dengan keutamaan kepada warga kam-



**SERAMAI 120 jemaah dibenarkan menunaikan solat dalam kebanyakan masjid dan surau di Perak.**

pus," katanya di sini semalam.

Mohd. Annuar berkata, bagi masjid bukan utama dan surau, jumlah jemaah kini dinaikkan kepada 120 orang tidak termasuk ahli jawatankuasa dan pegawai masjid atau surau.

"Kebenaran itu selepas menimbang sembah cadangan yang dikemukakan Maipk atas nasihat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak serta pandangan Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negeri Perak," ujarnya.

Mengulas lanjut, katanya, aktiviti sosial dan keagamaan termasuk jamuan diadakan di masjid dan surau dalam kawasan

yang diisyiharkan berada dalam kategori Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) masih tidak dibenarkan.

"Aktiviti agama berunsur ilmu dibenarkan di masjid dan surau dalam ruang waktu antara selepas solat Maghrib sementara menantikan waktu solat Isyak.

"Kuliah ilmu tidak melebihi 20 minit dibenarkan untuk dianjurkan kepada jemaah yang berada dalam surau dan masjid sementara menanti azan solat Jumaat.

"Hanya jemaah lelaki berusia 16 hingga 71 tahun dibenarkan menunaikan solat Jumaat," katanya.

# Perak benar 250 jemaah, P Pinang ikut luas masjid

Kebenaran terhad kepada warga Malaysia lelaki usia 16 hingga 70 tahun

Oleh Muhammad Zulsyamini  
Sufian Suri  
bhnews@bh.com.my

**Ipoh:** Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah memperkenan pertambahan bilangan jemaah solat fardu, Solat Jumaat dan solat jenazah di masjid dan surau negeri itu hingga 250 jemaah, berkuat kuasa hari ini.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), Datuk Seri Annuar Zaini, berkata pertambahan bilangan itu berbanding 40 jemaah sebelumnya, membabitkan Masjid Negeri (Masjid Sultan Idris Shah 2), Masjid Sultan Azlan Shah Ipoh, Masjid Ubudiah Kuala Kangsar serta masjid utama di daerah.

Selain itu, pertambahan bilangan serupa turut membabitkan masjid dan surau dalam kawasan kem tentera, kem polis, kampus universiti, maktab, kolej, dan politeknik yang seboleh-bolehnya diutamakan dan dibatasi untuk warga institusi berkenaan.

Bagi masjid dan surau selain yang dinyatakan, had maksimum ditambah kepada 120 jemaah berbanding 40 sebelum ini, tidak termasuk ahli jawatankuasa dan pegawai masjid serta surau.

"Perkenan ini adalah selepas menimbaikan sembah cadangan MAIPk berlandaskan nasihat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak susulan PKP dan PKPB serta PKPD," katanya



**‘Perkenan ini adalah selepas menimbaikan sembah cadangan MAIPk berlandaskan nasihat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak susulan PKP dan PKPB serta PKPD.’**

Annuar Zaini,  
Yang Dipertua MAIPk

dalam kenyataan, semalam.

Pada 27 Januari lalu, Sultan Nazrin memperkenankan solat fardu dan solat Jumaat diadakan di semua masjid dan surau termasuk surau dalam bangunan pejabat, institusi, universiti, maktab, sekolah, syarikat, dan kilang dengan had 40 jemaah.

Jemaah yang dibenarkan solat terhad kepada warganegara Malaysia lelaki dalam lingkungan usia 16 hingga 70 tahun. Para jemaah juga disarankan membawa beg menyimpan kasut sendiri bagi memastikan jarak fizikal diamalkan dengan mengelakkan kesesakan yang sering terjadi sejurus solat dilaksanakan.

Sementara itu BERNAMA melaporkan, Pulau Pinang turut membenarkan solat fardu dan solat Jumaat dengan kehadiran jemaah mengikut keluasan ruang masjid atau surau di negeri itu berkuat kuasa semalam.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, berkata perkara itu adalah antara prosedur operasi standard (SOP) terkini di masjid dan surau negeri itu ketika pelaksanaan PKP ketika ini.

"Bermula hari ini (semalam), solat fardu di masjid atau surau dibenarkan dengan kehadiran mengikut keluasan begitu juga solat Jumaat dan ia (solat Jumaat) dengan minimum 40 orang jemaah, namun ia terbuka hanya untuk anak kariah, warga tempatan dan pemastautin tetap sahaja yang berusia 12 hingga 70 tahun.

"Ruang solat untuk musafir, pemandu teksi atau pekerja e-hailing turut disediakan di masjid atau surau supaya mereka dapat menuai solat fardu," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata laungan azan akan kembali kepada lafadz biasa yang sebelum ini laungan azan di masjid digantikan dengan lafadz azan disebut 'sollu fi buyutikum' (solatlah di rumah kamu).

Ahmad Zakiyuddin yang juga Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang berkata, bagi solat jenazah dan urusan pengebumian, ia hanya dibenarkan kepada 30 orang sahaja yang terdiri daripada ahli keluarga dan pihak yang menguruskan pengebumian dengan solat jenazah perlu dilakukan di petak yang disediakan manakala aktiviti menziarah kubur masih tidak dibenarkan.

Majlis ilmu seperti kuliah maghrib, bacaan surah Yassin dan tahlil dibenarkan, namun ia hanya boleh dijalankan selepas solat maghrib hingga solat isyak sahaja.

## Nasional

Guna logo halal palsu

# Pengarah, pengurus syarikat sejuk beku kena dakwa

Tertuduh miliki 3,418 kotak makanan guna dokumen palsu

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Sebuah syarikat bersama dua pengarah dan pengurusnya, didakwa di Mahkamah Sesyen, semalam, atas 21 pertuduhan memiliki, menawarkan dan menggunakan logo halal palsu serta tanpa kelulusan untuk membekalkan daging sejuk, awal Disember lalu.

Tertuduh, iaitu Syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd, pengarahnya Yong Chee Keong, 40 dan Tan Siew Huak, 42, yang masih bebas serta pengurus, Chong Kim Kuang, 48, bagaimanapun mengaku tidak bersalah.

Pengakuan itu direkodkan selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Ahmad Fuad Othman.

Mengikut kertas pertuduhan, syarikat dan dua tertuduh berkenaan serta seorang lagi yang masih bebas didakwa menggunakan, memiliki dan menawarkan 3,418 kotak makanan sejuk beku menggunakan perihal dagangan palsu tanpa kelulusan dua syarikat pembekal dari Australia selain menggunakan logo halal palsu serta menggunakan logo halal tanpa kelulusan da-



Chee Keong (dua dari kanan) dan Kim Kuang dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.  
(Foto Zain Ahmed /BH)

ripada badan persijilan halal Australia.

Kesahanian itu dilakukan di Tapak Perindustrian Desa Idaman, Senai, Kulai, di sini antara 1 hingga 3 Disember 2020.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 5(1)(a), Seksyen 50(1c) Akta Perihal Dagangan 2011, Peraturan 4(1) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Jika sabit kesahanian, semua tertuduh boleh diidam antara RM100,000 hingga RM500,000 atau dipenjara hingga lima tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Rayu Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Mohammad Onn Abd Aziz, Kwan Li Sa, Syazwani Zawawi, T Ashvinii dan Kee Shu Min.

Tertuduh pula diwakili barisan peguam Zamri Idrus, Yusman Che Aman dan Saiful Zaman Abd Rahman.

Mahkamah menetapkan kedua-dua tertuduh diikat jamin RM250,000 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh selain pasport diserafah kepada mahkamah dan melaporkan diri setiap dua minggu sekali di Ibu Pejabat Polis Daerah Kulai.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 28 Mac ini.  
Pada 2 Disember lalu, media

melaporkan mengenai kewujudan dan kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina.

Kartel berkenaan kemudian membungkus semula daging itu menggunakan logo halal sebelum menjual ke pasaran seluruh Malaysia sebelum ia terbongkar hasil serbu pihak berkusa di sebuah gudang di Senai, di sini.

Kegiatan itu diperdayai dijalankan sejak beberapa tahun lalu dengan menjadikan gudang berkenaan sebagai lokasi untuk membuat label dan cap palsu yang akan ditampal pada kotak daging yang dibungkus semula sebelum dijual di pasaran tempatan sebagai daging halal.

## 45 tan sotong dari China bernilai RM1j dirampas

**Butterworth:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang merampas 45 tan sotong sejuk beku bernilai lebih RM1 juta dari China ketika pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini, kelmarin.

Pengarah MAQIS negeri, Zarina Ramli, berkata dalam operasi jam 12.30 tengah hari itu, terdapat dua kontena yang baru masuk ke pelabuhan berkenaan sebelum pemeriksaan diadakan.

Katanya, siasatan mendapati produk sotong sejuk beku itu tidak mempunyai permit import yang sah.

"Berikutnya itu, sebanyak 4,500 kotak berisi produk sotong sejuk beku seberat 45,000 kilogram (kg) bernilai lebih RM1 juta dirampas

bagi siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Zarina berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Katanya, mengikut seksyen itu, sabit kesahanian, tertuduh boleh diidam tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Beliau berkata, MAQIS komited dalam melakukan pemeriksaan di semua pintu masuk negara bagi memastikan keluaran pertanian, perikanan dan haiwan yang masuk mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan bagi menjamin kualiti dan selamat untuk dimakan oleh rakyat negara ini.



Kontena yang mengandungi sotong sejuk beku (gambar kecil) dari China di rampas di Terminal Kontena Butterworth Utara.  
(Foto ihsan MAQIS)